

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) merupakan satu inisiatif untuk mewujudkan wilayah perdagangan bebas yang dipelopori oleh Amerika Syarikat (AS). Dengan wujudnya wilayah perdagangan bebas, pasaran menjadi lebih besar merangkumi semua negara peserta. Secara amnya TPPA adalah baik untuk negara perdagangan seperti Malaysia. Manfaat perdagangan bebas diketahui umum akan memberi kebaikan kepada sesebuah negara kerana ianya berdasarkan pengagihan sumber yang cekap.

Faedah dari perdagangan bebas ini turut di kecapai walaupun sesebuah negara hanya mempunyai kelebihan relatif dari segi pengeluaran sesuatu barangan. Apatah lagi bagi negara seperti Malaysia yang mempunyai kelebihan mutlak di dalam pengeluaran banyak barangan. Eksport dijangka meningkat apabila rakan-rakan dagang membuka pasaran mereka. Harga barangan import perantaraan yang digunakan di dalam pengeluaran barangan eksport dari Malaysia juga akan lebih murah, dan ini akan menyumbang kepada peningkatan daya saing barangan Malaysia di luar negara.

Peningkatan permintaan terhadap barangan Malaysia akan meningkatkan pelaburan dan seterusnya membuka peluang pekerjaan tambahan. Harga barangan dijangka akan lebih murah bukan sahaja kerana tiada duti import, malahan kerana peningkatan persaingan. Maka kesan akhir daripada kecekapan pengagihan sumber ini adalah peningkatan kebajikan semua rakyat jelata.

Inisiatif TPPA bermula lebih daripada satu dekad yang lalu oleh tiga negara iaitu Singapura, Chile dan New Zealand. Brunei menyertainya pada tahun 2005. Kini terdapat 12 negara sedang berunding dalam TPPA terdiri dari, AS, Jepun, Kanada,

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Australia, Mexico, Malaysia, Singapura, Chile, Peru, New Zealand, Vietnam dan Brunei, mengikut kedudukan saiz ekonomi dari terbesar hingga yang paling kecil. Terdapat juga negara lain yang menyatakan minat untuk menyertai TPPA termasuk Korea Selatan dan Filipina.

Di dalam konteks yang lebih luas, TPPA juga dilihat boleh menjadi pelan tindakan ke arah merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) yang terdiri daripada semua 21 anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). AS dilihat cuba mempromosikan templat kawasan perdagangan bebas yang lebih besar ini (FTAAP) bukan hanya kerana sebagai ekonomi terbesar tetapi ia mempunyai kepentingan strategik. Ramai pemerhati berpendapat templat kawasan perdagangan bebas yang lebih besar seperti FTAAP akan mengulangi kekecewaan rundingan Pusingan Doha Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), berpunca daripada keperluan untuk reformasi politik yang sensitif. Oleh itu, Amerika Syarikat mengubah penumpuan dari FTAAP ke TPPA.

Mengapa TPPA begitu penting bagi AS? Pertama, TPPA merupakan perjanjian perdagangan terbesar mewakili 40% daripada ekonomi dunia. Pendekatan serantau dilihat sebagai lebih praktikal untuk merealisasikan objektif perdagangan bebas berbanding melalui WTO. Dari sudut perdagangan, TPPA pasti lebih penting daripada Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA). Justeru AS memberi lebih penekanan terhadap TPPA. Perlu diingat bahawa dalam konteks ini AS juga mempunyai motif untuk mencapai objektif kumpulan sasar mereka yang dikenal pasti. Ini boleh mendedahkan kepada rundingan yang berat sebelah.

Kedua, TPPA adalah sangat penting bagi dasar luar AS untuk mengimbangi pengaruh China di rantau ini bukan sahaja dari sudut ekonomi dan perdagangan tetapi juga dalam kuasa politik dan ketenteraan. Maka perdagangan bebas juga turut digunakan sebagai senjata politik oleh AS di samping sebagai matlamat utama untuk kecekapan pengagihan sumber yang terhad.

Sebagai kawasan perdagangan bebas yang komprehensif, TPPA juga meliputi objektif-objektif sampingan di samping objektif utama untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih besar di kalangan negara anggota dengan menghapuskan halangan tarif dan

bukan tarif (NTB). Antara objektif-objektif sampingan yang dimasukkan ke dalam rundingan termasuk harta intelektual, alam sekitar, piawai buruh, perolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC), perkhidmatan dan pelaburan.

Keputusan rundingan TPPA yang dirumuskan baru-baru ini di Atlanta, AS bersetuju untuk mempertimbangkan hampir kesemua kebimbangan dan sensitiviti yang dibangkitkan Malaysia seperti isu pemerolehan kerajaan, GLC dan Bumiputera adalah satu permulaan yang baik. Namun perlu diberi perhatian bahawa AS juga berada di bawah tekanan untuk mendapatkannya ditandatangani kerana beberapa sebab. Pertama, AS mempunyai kepentingan strategik dengan rakan dagangan tertentu, di kalangan anggota TPPA. Jika ditandatangani, TPPA akan menjadi blok perdagangan utama dengan saiz melebihi 800 juta orang. Ini akan memberikannya imbalan kuasa, di tengah-tengah peningkatan kepentingan China di rantau ini. Perlu diingat bahawa China juga sedang di dalam rangka untuk mewujudkan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) terdiri daripada ASEAN bersama-sama dengan Australia, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan dan China.

Sebab kedua mengapa AS berusaha untuk TPPA ditandatangani adalah kerana terdapat beberapa perkara yang tidak boleh diselesaikan melalui rundingan dua hala, umpamanya isu yang berlarutan dengan Jepun berkaitan dengan perdagangan pertanian dan produk automotif. Ketiga, AS juga menghadapi tekanan dalaman daripada pelbagai kumpulan untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas yang lebih memberi manfaat kepada mereka. NAFTA memberikan pengalaman yang buruk untuk pekerja-pekerja AS. Berjuta-juta orang kehilangan pekerjaan kepada Kanada dan Mexico akibat penempatan semula industri berintensif buruh. Isu ini menyelubungi manfaat utama perdagangan bebas, seperti peningkatan pendapatan keseluruhan dan pengguna mempunyai pilihan yang lebih luas dan murah barangan dan perkhidmatan di pasaran.